



KUARI KERAJAAN NEGERI KELANTAN  
(NOTIS SEBUT HARGA)

PKN.A.3/30-20(01/26)

KERJA-KERJA MELETUP BATU DI KUARI KERAJAAN NEGERI KELANTAN, BUKIT BULOH, PULAI CHONDONG, MACHANG  
KELANTAN.

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah dalam Gred **G2** Kategori **C** Pengkhususan **CE25**.
2. **Lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN** (Kontraktor hendaklah kemukakan Sijil Pendaftaran Asal CIDB (Perakuan Pendaftaran Kontraktor & Sijil Perolehan Kerja Kerajaan) dan SSM (Sijil Pendaftaran Syarikat). **Surat Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan**. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 02/04/2026 (Khamis)  
Masa : 9.00 pagi - 9.30 pagi (Pendaftaran)  
9.30 (Jangkaan Taklimat)

Tempat : Pejabat Pengurus Kuari Kerajaan Negeri Kelantan (Bilik Mesyuarat)

**(Perhatian: Semasa menghadiri lawatan tapak, Kontraktor diwajibkan berkasut dan berpakaian formal dan tidak dibenarkan menghantar wakil)**

3. Penyebut harga yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki mengeluarkan kiriman wang/wang pos berharga **RM20.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh sahaja)** yang dibuat atas nama **Pengurus Kuari, Kuari Kerajaan Negeri Kelantan, Bukit Buloh, 16600 Pulai Chondong, Kelantan** sebagai bayaran dokumen sebut harga dan dokumen sebut harga mula dijual pada 02/04/2026.
4. Dokumen Meja Sebut Harga boleh disemak di Pejabat Pengurus Kuari, Kuari Kerajaan Negeri Kelantan Bukit Buloh, 16600 Pulai Chondong, Kelantan bermula pada 02/04/2026 pada waktu pejabat seperti berikut :-
 

Ahad hingga	8:30 pagi	-	12:45 tengahari	Khamis :	08:30 pagi	-	12:30 tengahari
Rabu :	02:00 petang	-	04:30 petang		02:00 petang	-	03:30 petang
5. Kontraktor **WAJIB** mengemukakan **Borang Pengisytiharan Pemunya Beneficial (BO)** dan menandatangani **Surat Akuan Syarikat dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa (SA)** dan **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC)** semasa mengemukakan dokumen sebut harga.
6. Borang tawaran yang telah lengkap diisi berserta dokumen sokongan wajib hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut harga di sebelah kiri atas sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada atau sebelum jam **12.00 tengahari pada 09/04/2026 (Khamis)** Pejabat Pengurus Kuari, Kuari Kerajaan Negeri Kelantan, Bukit Buloh 16600 Pulai Chondong, Kelantan.

**ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT ”**  
**“ SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT ”**

Saya yang menjalankan amanah,

(SR MAT NASIR BIN MAT NAWI)

Pengurus Kuari  
Kuari Kerajaan Negeri Kelantan.

S.K. :

- Papan Kenyataan JKR Negeri Kelantan
- Papan Kenyataan Kuari Kerajaan Negeri Kelantan
- Papan Kenyataan JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Kelantan
- Papan Kenyataan JKR Semua Jajahan